

# Mengingati Hari Pemergian Tun Razak Yang Ke-30



Balu alahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hajah Rahah Tan Sri Haji Mohd. Noah disambut oleh Ketua Pengarah Arkib Negara, Dato' Hajah Rahani Bt Jamil.



Di antara yang hadir di majlis tersebut ialah anak lelaki alahyarham Datuk Mohamed Nazim, Dato' Tunku Shariman, Dato' Abdul Wahab Majid, Datuk Idris Tulis dan Tun Mohd. Haniff Omar.



Sebelas ahli puteri UMNO termasuk ketuanya, juga hadir buat pertama kali di majlis seumpama ini. Selepas majlis, mereka dihadiahkan dengan akhbar ERA BARU yang mengandungi banyak bahan untuk dimanfaatkan mereka.

Majlis diketuai oleh Imam Besar Masjid Negara, > Ustaz Omar Mehat disertai oleh beberapa pembantunya dari Masjid Negara.

GAMBAR BAWAH... Doa dibaca dan diaminkan selepas bacaan Yasin dan tahlil.



GAMBAR ATAS... Menjamu selera, kelihatan Tun Hajjah Rahah, Dato' Mohd Nazim, bekas Ketua Tentera, Jeneral (B) Tun Ibrahim Ismail, Tan Sri Aishah Ghani dan Pengarah Arkib Negara, Dato' Hajah Rahani.

> Datuk Mohamed Nazim kelihatan khusyuk membaca surah Yasin untuk ayahandanya.



< Perdana Menteri Malaysia Ke-2, Allahyarham Tun Hj Abdul Razak Hussein

Teks & Foto  
HJ RIZAL SHAH  
IDRIS



**PERDANA** Menteri Malaysia yang ke-2, alahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain, pulang ke Rahmatullah pada 14 Januari 1976 dalam usia 53 tahun ketika menerima rawatan di sebuah klinik di London. Majlis memperingati beliau telah diadakan pada 16 Januari, 06 dengan upacara bacaan *Yasin* dan tahlil di **Memorial Tun Abdul Razak**.

Seramai 300 para jemputan termasuk kaum keluarga terdekat alahyarham Tun Razak hadir pada hari tersebut yang bermula pada 9.30 pagi. Dif-dif kenamaan dan sahabat Tun Razak yang turut hadir ialah Tun Haniff Omar; Jen (B) Tun Ibrahim Ismail; Dato' Tunku Shariman; Dato' Abdul Wahab Majid dan Tan Sri Aishah Ghani yang sama-sama memberi penghormatan dan mengingati alahyarham.

Tun Razak yang juga dikenali sebagai Bapa Pembangunan, adalah seorang pemimpin UMNO yang rajin dan kerap turun ke kampung-kampung untuk melihat dengan mata sendiri tentang pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan beliau. Beliau juga seorang pemimpin yang tidak banyak bercakap tetapi amat rajin bekerja dan di segani.

• LIHAT MUKA 14



GAMBAR ATAS... Tun Hajjah Rahah dan bekas Menteri Kebajikan Masyarakat yang juga veteran UMNO, Tan Sri Aishah Ghani kelihatan khusyuk membaca surah Yasin untuk dihadiahkan kepada alahyarham Tun Abdul Razak.



Sebahagian daripada kaum wanita yang hadir sedang membaca surah Yasin.

Menurut bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, ketika Tun Razak menghadapi penyakit leukemia hanya 3 orang yang mengetahui rahsia tentang penyakit beliau. Mereka ialah doktor peribadinya, Dr. Macpherson, Timbalannya Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dan seorang lagi.

Peneroka-peneroka FELDA terutama sekali yang akan mendapat 'durian runtuh' tidak lama lagi, seharusnya menghadihkan bacaan Yasin dan tahlil untuk allahyarham Tun Razak sebagai penghargaan kerana cadangan untuk diwujudkan skim FELDA adalah cetusan dari pemikiran beliau bersama almarhum Tunku Abdul Rahman kerana ingin melihat nasib orang Melayu diluar bandar dibela, dinaikkan taraf dan terus terjamin. Justeru, sesuai sangatlah bagi penduduk-penduduk Felda yang akan mendapat bayaran lumayan tidak lama lagi hasil dari penjualan tanah mereka, dapat mengenang jasa bakti allahyarham Tun Razak yang telah menemui Allah pada 14 Januari 1976.

Dalam pada itu, dalam era Tun Razak di antara peristiwa penting yang dilaluinya ialah yang pertama apabila pelajar-pelajar MARA, UKM, USM, Politeknik Ungku Omar dan badan-badan NGO yang dikatakan diketuai oleh Anwar Ibrahim dan Syed Husin Ali telah merusuh

di Masjid Negara dan di Selangor Club Padang pada tahun 1974. Pada bulan November tahun yang sama, beribu-ribu petani miskin telah mengadakan rusuhan sebagai memprotes di atas kenaikan harga barang-barang keperluan dan penurunan harga getah. Mereka juga mendakwa beberapa kanak-kanak daripada keluarga miskin di Baling, Kedah, telah mati kelaparan.

Ketika itu Tun Abdul Razak telah muncul di kaca televisyen memberi amaran kepada pelajar-pelajar dan penyarah supaya tidak melakukan kekecohan dan ketegangan. Akibat daripada rusuhan yang begitu besar maka Kerajaan terpaksa memberkas Anwar Ibrahim dan Syed Husin dan mereka di tahan di bawah Akta ISA.

Peristiwa kedua ialah apabila berlaku rusuhan dan pembunuhan pada 13 Mei, 1969 kerana parti pembangkang DAP cuba memperkecil-kecilkan bangsa Melayu di tanahair sendiri. Tun Razak terpaksa mengistiharkan darurat pada 14 Mei 1969 dan Parlimen digantung pada 16 Mei 1969.

Kerajaan terpaksa mengwujudkan National Operation Council (NOC) yang diketuai oleh allahyarham Tun Abdul Razak sendiri sebagai Pengarah. Beliau dan allahyarham Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri telah menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan

kedudukan yang sebenar dan merayu kepada rakyat supaya bersatu.

Tun Razak sungguhpun berada di bawah Tunku sebagai Timbalan Perdana Menteri begitu lama, beliau tidak pernah derhaka kepada Tunku biarpun mendapat tekanan dari penyokong-penyokongnya untuk mengambil alih dari Tunku, sebaliknya menjadi kawan yang rapat dan setia.

Sesungguhnya hubungan Tunku dengan Tun Razak begitu intim semenjak mereka mula berkenalan semasa sama-sama menuntut di London sebelum merdeka sehingga Tunku melepaskan jawatannya dan diserahkan kepada Tun Razak untuk menjadi Perdana Menteri. Tun Razak pernah berkata selepas Tunku bersara, "*after the Tunku's retirement, I felt lonely. Not being able to talk to him on the phone everyday*".

Yang ketiga ialah selepas berlakunya peristiwa rusuhan kaum pada 1969 maka Tun Razak telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membela dan menjamin kedudukan orang-orang Melayu yang jauh-tercicir di belakang dapat dibantu dan bersaing dengan bangsa-bangsa lain untuk mengelak dari berlaku semula kejadian seperti *Mei 13*, 1969 kerana pengagihan kekayaan yang tidak sama rata.